

JIKA ORANG2 ISLAM INGIN MENCAPAI KEJAYAAN

Perutusan penuh muka 2

Jauhi sengketa sama sendiri-PM

KUALA LUMPUR 28 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyeru umat Islam supaya menjauhi sengketa sesama sendiri kerana terdapat usaha jahat untuk mengancam kestabilan negara.

“Kita harus sedar hakikat ini dan jauhilah sengketa sesama sendiri jika orang - orang Islam ingin mencapai kejayaan,” ujar beliau dalam perutusan Hari Raya yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Perdana Menteri menarik perhatian, pihak - pihak yang hendak memecah - belahkan masyarakat Islam menggunakan cara halus dengan menghasut golongan tertentu di negara ini supaya bertindak mengancam kestabilan.

Ini, katanya, adalah kerana kestabilan menjamin kemajuan serta ketahanan sesebuah negara.

Menurut Dr. Mahathir, umat Islam pada zaman ini banyak menghadapi cabaran dan kelemahan dan ini dipergunakan sepenuhnya oleh pihak - pihak yang memang merancang untuk memecah - belahkan masyarakat Islam dan menggugat lagi ketahanan mereka.

Beliau menambah, rancangan pihak - pihak tersebut menjadi bertambah mudah kerana negara - negara Islam seluruhnya banyak bergantung kepada negara - negara yang bersimpati dengan musuh - musuh Islam.

Negara - negara Islam yang sedang membangun juga, katanya, tidak terlepas daripada menjadi sasaran mereka. Ini juga bermakna kita mestilah menjaga perpaduan oleh kerana dengan perpaduan sahajalah kita dapat melaksanakan apa sahaja yang kita rancangkan dan apa yang kita cita-citakan.

“Sebaliknya, perpecahan akan membawa kepada kemunduran dan mungkin juga menandakan permulaan terhapusnya sesebuah masyarakat itu,” ujarnya.

Beliau mengingatkan bagaimana masyarakat Islam di Sepanyol, Afghanistan dan Palestin termasuk masyarakat Islam di bawah kesultanan Melaka mengalami kemunduran kerana mereka berpecah.

Dengan itu, katanya, umat Islam di Malaysia hendaklah berpandu kepada pengalaman - pengalaman tersebut dengan mengelakkan daripada berlaku segala bibit yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam.

Menurut Perdana Menteri, salah satu bibit yang membawa gejala perpecahan ialah sikap suka mempercayai berita - berita sebelum diselidiki. Yang selalu terjadi ialah selepas beberapa bulan atau tahun kemudian baharulah kita tahu bahawa sesuatu berita itu adalah palsu dan fitnah sahaja.